

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dilakukan dengan tujuan untuk memeriksa jenis-jenis salah laku pelajar di sekolah menengah beraliran agama iaitu di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Taqaddum Ma'arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan [SMU(A)] dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan [SMK(A)]. Tujuan yang kedua penyelidikan ini ialah memeriksa faktor-faktor salah laku pelajar yang terdapat di SMU(A) dan di SMK(A). Tujuan yang ketiga penyelidikan ini ialah untuk menyemak startegi kawalan salah laku pelajar yang digunakan di SMU(A) dan di SMK(A).

Penyelidik menggunakan soal selidik, kajian rekod dan pemerhatian dalam penyelidikan ini. Responden yang terlibat bagi menjawab soalan-soalan soal selidik ialah 60 orang pelajar SMU(A) dan 60 orang pelajar SMK(A), 10 orang guru SMU(A) dan 10 orang guru SMK(A) serta 10 orang ibu bapa kepada pelajar SMU(A) dan 10 orang ibu bapa kepada pelajar SMK(A).

Rekod-rekod yang penyelidik semak di SMU(A) ialah Buku Peraturan Disiplin Sekolah, Buku Rekod Salah Laku Pelajar : Tindakan Dan Hukuman, Rekod Surat Perjanjian Di Antara Pelajar Dengan Sekolah, Buku Catatan Pengawas, Buku Rekod Bimbingan Dan Kaunseling, Buku Rekod Kehadiran Pelajar dan Buku Rekod Kehadiran Guru. Rekod-rekod yang penyelidik semak di SMK(A) pula ialah Buku Peraturan Disiplin Sekolah, Buku Rekod Salah Laku Pelajar : Tindakan Dan Hukuman, Buku Catatan Pengawas, Buku Rekod Bimbingan Dan Kaunseling, Buku Rekod Kehadiran Pelajar dan Buku Rekod Kehadiran Guru.

Aspek-aspek yang penyelidik perhatikan di SMU(A) dan di SMK(A) ialah budaya sekolah, hubungan antara pelajar sesama pelajar, hubungan antara pelajar dengan guru, hubungan antara pelajar dengan kakitangan sekolah, kepatuhan pelajar kepada peraturan sekolah, kepatuhan guru kepada peraturan sekolah, keceriaan kawasan sekolah, kantin dan tandas dan tingkah laku pelajar apabila waktu persekolahan bermula, semasa guru mengajar di dalam kelas, pada waktu rehat dan semasa persekolahan berakhir.

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan jenis-jenis salah laku di SMU(A) dan di SMK(A) ialah tingkah laku musnah, tingkah laku tidak sopan, tingkah laku tidak jujur, tingkah laku ponteng, tingkah laku tidak pentingkan masa, tingkah laku tiada kekemasan diri dan tingkah laku cuai terhadap pelajaran.

Faktor-faktor salah laku pelajar di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini adalah banyak berpunca dari sekolah iaitu pelajar tidak saham apa yang dikehendaki oleh peraturan sekolah, pelajar terpengaruh dengan sikap negatif rakan-rakan mereka, guru-guru datang lewat ke sekolah, guru-guru lewat memasuki kelas untuk mengajar, guru-guru merokok dalam kawasan sekolah dan guru-guru menyampaikan kaedah pengajaran pembelajaran yang tidak menarik. Faktor-faktor di luar sekolah seperti cara pelajar datang ke sekolah, lokasi tempat tinggal pelajar, jarak antara rumah pelajar dengan sekolah dan pelajar tinggal dengan siapa adalah kurang mempengaruhi pelajar di SMU(A) dan pelajar di SMK(A) dalam kes-kes pelanggaran peraturan sekolah.

Untuk meningkatkan kepatuhan pelajar kepada peraturan sekolah, strategi-strategi yang dicadangkan oleh penyelidik adalah seperti berikut :-

1. Pengetua hendaklah berupaya menguruskan sekolah dan memimpin guru serta pelajar dengan cara yang berkesan.
2. Guru-guru hendaklah terlebih dahulu mematuhi peraturan sekolah untuk menjadi teladan kepada pelajar.
3. Setiap peraturan sekolah hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada pelajar dan guru.
4. Pelajar diberikan penerangan tentang peraturan sekolah agar mereka memahami kehendak setiap peraturan yang diadakan dan menjadikan peraturan sekolah itu bermakna bagi mereka.
5. Guru hendaklah sentiasa merujukkan kepada buku peraturan sekolah dan dikemukakan kepada pelajar sebelum pelajar disabitkan salah dan sebelum mereka dikenakan sesuatu hukuman.
6. Guru hendaklah berusaha meningkatkan kualiti pengajaran agar pelajar dapat belajar dalam suasana pengajaran pembelajaran yang bercorak dua hala dan manarik.
7. Pelajar dilibatkan sama dalam menggubalkan peraturan sekolah agar selari dengan kehendak pelajar dan mudah untuk mereka menerima dan mematuhi peraturan sekolah.

8. Pihak sekolah hendaklah sentiasa mengenali dan menyelidiki perkembangan tingkah laku pelajar yang berlaku di sekolah. Tindakan segera hendaklah diambil bila timbul masalah salah laku.
9. Pelajar-plajar dikehendaki membuat perjanjian dengan pihak sekolah untuk menghormati peraturan sekolah dan tidak akan menimbulkan konflik.
10. Pihak sekolah dan pihak ibu bapa saling bekerja sama dalam usaha-usaha mengawal salah laku pelajar dan saling memberikan maklumat serta perkembangan tingkah laku pelajar dengan segera.
11. Perkhidmatan ahli psikologi yang bertauliah hendaklah ditempatkan di sekolah untuk rujukan pelajar dalam menghadapi masalah perkembangan diri dan masalah perkembangan pendidikan mereka.

## **ABSTRACT**

### **DISCIPLINARY PROBLEMS AMONG STUDENTS IN TWO RELIGIOUS SCHOOLS IN KELANTAN**

This study was conducted to investigate the types of disciplinary problems among students in two religious secondary schools: Sekolah Menengah Ugama (Arab) Faqaddum Ma'arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan [SMU(A)] and Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan [SMK(A)]. The study also examined factors causing student indiscipline in the two schools. The third objective of the study was to identify strategies to curb student indiscipline in both schools.

The researcher uses a questionnaire, record reference and observation in this study. Respondent involved for the questionnaire are 60 students from SMU(A) and 60 students from SMK(A) and 10 teachers and 10 parents from both school.

Records that used in this study for the SMU(A) are The Book of School Disciplinary Regulation, Student Disciplinary Records : Action and Punishment, Students - School Agreement Record, Prefect Note Book, Students Attendance Record and Teachers Attendance Record. For the SMK(A), the same records were used except for the Students - School Agreement Record.

Aspects that were observed by the researcher in this study included school culture, relationship among students, relationship between students and school's staff, student's obedience towards school's rules and regulation, the cleanliness of the school

compound and school's toilet, students attitude at the beginning of school's session, students attitude in the learning session, in the recess and at the end of school's session.

Finding of the study show that types of indiscipline in SMU(A) and SMK(A) can be categorized as destructive attitude, rudeness, dishonesty, absenteeism, lateness, untidiness and carelessness toward studies.

Factors that influenced students indisciplinary in both schools are caused by the schools itself, which is student does not understand what the school's regulation wants, the student were influence by their peers negative attitude, the lateness of the teachers to school and to class for the learning session, teachers smoking in the school area and the unattractive teaching method used by the teacher in the learning session.

The external factors such as how the students comes to school, where they live, the distance of their house to school and with whom they are living with, are less influenced to the cases of breaking school's rules and regulation by the students of SMU(A) and SMK(A).

The following strategies are proposed to encourage students to conform to school regulations: -

1. The principal has to provide effective school management and leadership to teachers and students.
2. Teachers have to conform to school regulations to serve as models to students.
3. All school regulations must be explicitly communicated to students and teachers.
4. The intent and purposes of school regulations must be clearly explained to students so that school regulations become meaningful to them.